

03/01/2001

Kelantan harap pinjaman diluluskan

KOTA BHARU, Selasa - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berharap isu pinjaman mudah bernilai RM600 juta, yang dipohon daripada Kerajaan Pusat bagi projek bekalan air di negeri ini, akan selesai tidak lama lagi.

Katanya, ini berdasarkan rundingan dan mesyuarat yang sentiasa diadakan sebelum ini, pada peringkat pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan.

Beliau berkata, beberapa perbincangan turut diadakan di antara pegawai Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dengan pegawai di peringkat negeri berhubung perkara itu.

"Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin sendiri pernah menghantar surat kepada saya mengenai perkembangan terbaru isu pinjaman mudah untuk projek pemulihan bekalan air bernilai RM600 juta itu," katanya kepada Berita Harian di pejabatnya di Kota Darulnaim, di sini, semalam.

Nik Abdul Aziz berkata, perkara itu diberitahu pegawainya ketika beliau berada di Makkah sewaktu menunaikan umrah, baru-baru ini.

"Jadi, pelbagai usaha sudah dijalankan untuk mendapatkan pinjaman mudah itu. Kalau tengok kepada surat, menunjukkan dia (Kerajaan Pusat) bersungguh (untuk selesaikan isu itu) sehingga dia minta semula rangka projek yang dilaksanakan menerusi pinjaman itu," katanya.

Beliau berkata, dengan pelaksanaan projek pemulihan bekalan air itu Jabatan Bekalan Air (JBA) menerusi syarikat Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) akan membina paip baru dan loji besar di kawasan yang sudah dikenal pasti di sekitar bandar ini termasuk di Kampung Chicha dan Kampung Putih.

Menurutnya, segala rangka program yang dicadangkan untuk projek pemulihan bekalan air negeri ini menerusi pinjaman mudah itu sudah lama disiapkan kerajaan negeri menerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam.

Sebelum ini, beliau pernah menyatakan cadangannya untuk menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi menyelesaikan isu pinjaman mudah daripada Kerajaan Pusat bagi projek pemulihan bekalan air di negeri ini.

(END)